

**Polis sudah sedia hadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 – KPN  
Utusan Online  
October 16, 2011**

PULAU PINANG 15 Okt. – Polis sudah bersedia untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 walaupun tarikh sebenar hari pemilihan itu belum diketahui.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, pihaknya tidak akan menunggu sehingga tarikh pilihan raya diumumkan baru mahu membuat persiapan.

Justeru katanya, beliau telah mengarahkan ketua polis setiap negeri memberi latihan dan pendedahan yang mencukupi kepada anggota terutama pegawai baru berkaitan strategi keselamatan di lokasi tertentu khususnya tempat pembuangan undi.

Tambahnya, ia bagi memastikan proses pilihan raya umum tersebut selamat dan berjalan lancar.

“Kita sudah bersedia. Kita tunggu sahaja, bila kerajaan umum, insya-Allah kita akan terus bergerak terutama memastikan aspek keselamatan jalan raya dan tempat pembuangan undi selamat.

“Sekarang ini pun saya dah minta semua negeri melatih anggota supaya lebih mahir untuk menjaga proses pilihan raya. Ini kerana tugas semasa pilihan raya lebih spesifik dan bukan seperti menjaga keselamatan pada hari biasa. Setiap anggota harus memainkan peranan bagi memastikan keselamatan dan keamanan negara terjamin,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Setia kepada 189 anggota Polis Bantuan Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. (SDP) di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Perladangan Upstream Malaysia, Helmy Othman Basha; Ketua Sumber Manusia SDP, Mohamad Fauzi Hassan serta Ketua Keselamatan SDP dan Penasihat Persatuan Polis Bantuan, Zakaria Merican.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1016&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_12.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1016&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_12.htm)